
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	07.10.22	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	TNB			



PESERTA Program Bergagoh Ma Senoi Bek yang dalam perjalanan membawa bantuan makanan kepada masyarakat Orang Asli di Pos Gob berdepan cabaran getir selepas terkandas lebih 24 jam.

MISI BANTUAN KE POS GOB

Terkandas lebih 24 jam

Oleh Paya Linda Yahya
am@hmetro.com.my

Gua Musang

Misi program Bergagoh Ma Senoi Bek untuk mengagihkan makanan kepada penduduk di Pos Gob di sini, pada Selasa lalu terkandas lebih 24 jam di pertengahan jalan kerana keadaan jalan yang rosak akibat hujan.

Situasi berkenaan menyebabkan seramai 150 peserta membabitkan 41 kenderaan dinasihatkan agar berpatah-balik.

Difahamkan, jarak dari bandar ini ke Pos Gob hampir 100 kilometer (km) dan perkampungan Orang Asli yang paling jauh di daerah ini.

Peserta, Mohd Zaidatul Azizi Mohd Zaidatul Azman, 22, berkata dia sangat teruja untuk menyertai program tanggungjawab sosial korporat (CSR) terbabit kerana ia adalah pengalaman pertama.

Menurutnya, pada masa sama dia seolah-olah jatuh cinta dengan suasana di Pos Gob selepas mendengar cerita rakan-rakannya yang pernah sampai di kawasan itu.

"Namun, pengalaman menempuh perjalanan menuju ke Pos Gob boleh dikatakan sangat ekstrem dan lasak. Kami semua hampir terkandas di dalam lumpur dan sangat menakutkan.

"Dengan bantuan peserta lain akhirnya kami dapat mengatasinya. Ini adalah pengalaman yang tidak dapat dilupakan dan agak kecewa apabila hajat untuk ke Pos Gob tidak kesampaian," katanya.

Program berkenaan dianjurkan Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (Dun) Galas, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar).

Peserta lain, Kartini Mohamed, 43, berkata terkandas ketika dalam perjalanan ke Pos Gob selama lebih 24 jam adalah pengalaman yang tidak dapat dilupakan.

"Ini kali keempat saya ke Pos Gob, kerana sebelum ini kami tetap sampai ke sana walaupun lewat. Tapi misi kali ini kami terpaksa berpatah-balik kerana keadaan jalan yang teruk.

"Kami terpaksa tidur di Kampung Kajang kerana sudah tidak mampu meneruskan perjalanan ke Pos Gob. Namun, ia tidak mematahkan semangat untuk saya mengikuti program seperti ini," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Nenggiri Abd Aziz Yusoff berkata, semua peserta dinasihatkan pulang dan tidak meneruskan misi memandangkan keadaan jalan yang rosak teruk akibat hujan.